

21 NOV 1997

Annuar-Thai

KEMAS DIARAH SUSUN SEMULA MASYARAKAT THAI

KOTA BAHARU, 21 Nov (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengarahkan KEMAS Kelantan menyusun semula masyarakat Thai supaya mereka dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam arus pembangunan negara.

Menterinya Datuk Annuar Musa berkata terdapat kira-kira 10,000 rakyat keturunan Thai di Kelantan yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar dalam soal pembangunan.

"Walaupun mereka merupakan golongan minoriti di Kelantan tetapi peranan mereka penting untuk pembangunan khususnya masyarakat kampung", katanya ketika merasmikan mesyuarat agung Persatuan Masyarakat Thai Kelantan di bangunan MARA di sini, hari ini.

Annuar berkata, mereka yang tinggal di kampung-kampung tradisi perlu disusun semula di segenap bidang agar tidak tersisih daripada kepesatan ekonomi negara.

Langkah awal yang perlu diambil ialah melantik lebih ramai pemimpin bertaraf pemaju masyarakat untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan dan memainkan peranan dalam memajukan keluarga dan masyarakat setempat, katanya.

Pada majlis itu pemimpin masyarakat Thai, Eh Chot Cha Chan meluluskan usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu tekanan anggota kongres Amerika.

Mereka juga berikrar berdiri teguh di belakang Dr Mahathir dalam mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Ketika membaca resolusi itu Eh Chot berharap Dr Mahathir akan terus menerajui negara dengan gagah serta berani menempuh cabaran dan berjuang tanpa tunduk kepada tekanan mana-mana pihak.

Annuar ketika berucap pada majlis itu berjanji akan menyampaikan resolusi itu kepada Dr Mahathir secepat mungkin. -- Bernama

WM oba